

Headline	Seks bebas sebar HIV		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	27 Feb 2015	Circulation	218,251
Section	Kosmo 2	Readership	654,753
Page No	24	ArticleSize	603 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 7,731
Journalist	MAHFUZ MOHAMAD	PR Value	RM 23,192
Frequency	Daily		



# Seks bebas sebar HIV

Aktiviti seks bebas dalam kalangan belia semakin membimbangkan lebih-lebih lagi gejala sosial itu menjadi punca utama kepada penyebaran penyakit HIV dan AIDS.

MAHFUZ MOHAMAD

**A**PABILA menyebut mengenai sindrom kurang daya tahan penyakit atau lebih dikenali dengan AIDS, pasti ramai yang mempunyai stigma negatif terhadap penghidap penyakit berkenaan.

Ia berikutan, penyakit itu sering dikaitkan dengan penagih dadah, pekerja seks atau pelaku seks bebas.

Kebanyakan kes

jangkitan virus kurang daya tahan manusia (HIV) yang direkodkan di negara ini berpunca daripada perkongsian jarum suntikan oleh penagih dadah.

Bagaimanapun, beberapa tahun kebelakangan ini, trend tersebut dikatakan sudah berubah.

Aktiviti seks bebas tidak mengira sama ada heteroseksual, homoseksual maupun biseksual menjadi punca utama penyebarannya.

Golongan yang paling banyak terjerumus terdiri daripada golongan belia berusia lingkungan 20 tahun hingga lewat 30-an.

Menurut Pensyarah Jabatan Psikologi, Kolej Universiti HELP, Prof Dr. Noran Fauziah Yaakub, gejala seks

bebas dalam kalangan belia masa kini dikatakan berpunca daripada kurang kawalan terhadap penggunaan internet.

Menurutnya, telefon pintar yang semakin canggih dan murah menjadikan penyebaran bahan-bahan yang negatif mudah dilakukan.

“Tidak dapat dinafikan internet memainkan peranan yang besar dalam peningkatan aktiviti seks bebas dalam kalangan belia.

“Sifat tanpa sempadannya membolehkan apa-apa

sahaja maklumat sama ada positif maupun negatif dapat diakses di hujung jari oleh sesiapa sahaja tanpa mengira usia.

“Golongan umur berkenaan banyak terbabit dalam aktiviti tidak bermoral disebabkan pada peringkat usia itu perasaan ingin mencuba begitu menebal dalam jiwa mereka,” jelasnya ketika dihubungi baru-baru ini.

## Peranan ibu bapa

Sehubungan itu, ibu bapa perlu memainkan peranan penting termasuk mengawasi gerak-geri dan pergaulan anak-anak bersama rakan dan di luar rumah.

Noran Fauziah menambah, kasih sayang dan pendidikan sama ada akademik maupun rohani sejak kecil mampu membentuk sahsiah diri anak-anak.

“Ia dapat menghalang anasir-anasir negatif daripada meresap ke dalam pemikiran mereka.

“Ibu bapa sepatutnya tidak memberikan alasan sibuk bekerja dan tiada masa untuk meluangkan masa bersama anak-anak.

“Mereka mesti mencari waktu untuk berinteraksi dan merapatkan hubungan bersama anak. Selain ibu bapa, guru juga perlu memainkan peranan dalam membimbing golongan muda.

“Mereka yang pernah terlibat dengan seks bebas dan sudah insaf perlu memainkan peranan sebagai pembimbing rakan sebaya kerana ia mampu menangani masalah tersebut dengan lebih berkesan,” ujarnya.

Dalam pada itu, implikasi negatif perlakuan seks bebas kepada masyarakat ialah keruntuhan akhlak, anak luar nikah, pembuangan bayi serta penyakit kelamin seperti HIV dan AIDS.

Berdasarkan laporan akhbar baru-baru ini, Pengarah Eksekutif Majlis AIDS Malaysia (MAC), Roswati Ghani menyatakan, berdasarkan statistik Kementerian

Kesihatan terdapat peningkatan dalam penyebaran HIV melalui hubungan seksual.

Mengikut statistik tersebut, pada tahun

2006 pesakit yang dijangkiti HIV melalui hubungan seksual adalah sebanyak 31 peratus dan meningkat kepada 74 peratus dalam tempoh lapan tahun.

“Saya risau kerana saban tahun, semakin ramai orang terdedah dengan aktiviti kurang sihat dan terlibat dengan gejala sosial antaranya seks bebas.

“Secara keseluruhannya, jumlah individu yang dijangkiti HIV dan AIDS setiap tahun adalah menurun iaitu pada 2013 sebanyak 3,393 kes berbanding 6,978 kes pada tahun 2002.

“Bagaimanapun, kami risau apabila melihat statistik 2013 terdapat peningkatan kes dalam golongan belia berusia 20 hingga 29 tahun iaitu sebanyak 74 peratus,” katanya.

## Info

- Peratus jumlah jangkitan HIV mengikut peringkat umur dari tahun 1986 hingga 2013
  - Bawah 13 tahun: 1 peratus
  - 13 hingga 19 tahun: 2 peratus
  - 20 hingga 29 tahun: 33 peratus
  - 30 hingga 39 tahun: 43 peratus
  - 40 hingga 49 tahun: 17 peratus
  - Lebih 50 tahun: 4 peratus

- Peratus jumlah jangkitan HIV mengikut kaum dari tahun 1986 hingga 2013
  - Melayu: 70 peratus
  - Cina: 15 peratus
  - India: 8 peratus
  - Warga asing: 4 peratus
  - Lain-lain: 3 peratus

Headline	Seks bebas sebar HIV		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Feb 2015	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	24	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	603 cm <sup>2</sup>
Journalist	MAHFUZ MOHAMAD	AdValue	RM 7,731
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,192



TREND penyebaran penyakit HIV dan AIDS sudah berubah daripada jangkitan akibat perkongsian jarum suntikan dadah kepada seks bebas.  
– Gambar hiasan



GOLONGAN belia berumur 20 hingga 30-an didapati aktif melakukan seks bebas. – Gambar hiasan

Headline	Seks bebas sebar HIV		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Feb 2015	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	24	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	603 cm <sup>2</sup>
Journalist	MAHFUZ MOHAMAD	AdValue	RM 7,731
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,192



SEKS bebas menjadi punca utama kepada penyebaran HIV dan AIDS di negara ini. – Gambar hiasan